



# SIARAN MEDIA

## MALAYSIA MENINGKATKAN KEMAMPAHAN PEMBANGUNAN BANDAR SEJAJAR DENGAN AGENDA SUD 2030

THE 8TH ASIA -PACIFIC URBAN FORUM(APUF8)  
Suwon, Republik Korea : 22 – 26 Oktober 2023

---

**SUWON, KOREA, 25 Oktober 2023** – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus memberi fokus kepada agenda pembaharuan perbandaran ke arah Malaysia yang lebih hijau, pintar dan mampan sejajar dengan *Agenda Sustainable Urban Development 2030*.

YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan berkata demikian ketika menyampaikan Kenyataan Negara sempena Forum Perbandaran Asia-Pasifik Ke-8 (APUF8) yang berlangsung dari 22 hingga 26 Oktober 2023 bertempat di Pusat Persidangan Suwon, Republik Korea.

Platform APUF8 ini merupakan sebuah forum antarabangsa yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang berperanan sebagai platform dalam membincangkan pelbagai isu perbandaran oleh Menteri-Menteri Kerajaan tempatan di Mesyuarat Peringkat Tertinggi (HLS) yang dipengerusikan bersama oleh YB KM dan TYT Kim Oh Jin, Timbalan Menteri, Kementerian Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan (MoLIT), Republik Korea.

Dalam kenyataan tersebut, YB KM berkata, “usaha pembaharuan perbandaran ini dapat memulihkan kawasan-kawasan bandar yang daif dan usang yang mengalami susut nilai serta tidak ekonomik, melalui pelaksanaan Garis Panduan Pembaharuan Perbandaran. Ini menunjukkan Malaysia sedang berusaha untuk memodenkan pembangunan bandar yang lebih efisien dan mampan”.

“Tambahan lagi perancangan dan pembangunan bandar merupakan agenda ekonomi dan sosial yang penting bagi Malaysia. Kadar urbanisasi pada hari ini adalah pada 78 peratus yang akan meningkat kepada 84 peratus pada tahun 2040. Malaysia kini sedang berada dalam Fasa 2 Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Nasional. Ianya telah diselaraskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan fokus utama untuk mengukuhkan kemampuan dan tadbir urus, membina masyarakat yang makmur, dan mencapai negara berpendapatan tinggi”.

Penyetempatan SDG juga dipercepat melalui *Malaysia SDG Cities Roadmap*. Dokumen panduan ini sebagai satu usaha yang mendorong bandar-bandar untuk membangunkan *SDG 2030 Roadmap* dan memperkasa pihak berkepentingan tempatan untuk melaksanakan matlamat global. Daripada 155 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sebanyak 45 bandar bersamaan 30% telah menyediakan *Roadmap* yang sejajar dengan agenda bagi mempercepatkan pelaksanaan SDG.

Bertemakan membentuk semula laluan pasca pandemik kepada pembangunan bandar yang mampan di Asia dan Pasifik, penganjuran APUF8 ini bermatlamat untuk menyokong tindakan susulan ke atas kemajuan Agenda 2030 untuk pembangunan bandar yang mampan (*Sustainable Urban Development – SUD*) di peringkat serantau yang sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI.

Forum tahunan ini adalah bertujuan untuk menyokong dan menyemak kemajuan pelaksanaan Agenda SUD 2030 di peringkat wilayah. Ia juga merupakan medium perkongsian pengalaman dan amalan terbaik dari segi pelaksanaan kelestarian dan kemampuan pembangunan perbandaran.

YB KM juga turut berkesempatan menyampaikan ucapan dalam Segmen Planeri 1 ‘*Urban and Territorial Planning and Policies*’ di forum berkenaan yang memberi penekanan tentang peranan KPKT dalam perancangan dan dasar pembangunan bandar mampan bagi Malaysia dan bandar-bandar di Malaysia.

*#MalaysiaMADANI*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertawi*  
*#UnityInDiversity*

Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

